



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI PULAU PINANG  
(MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG)**

**KENYATAAN TAWARAN**

**NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP/48/2013**

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **221001** dan **221002** dalam bidang perkhidmatan dibenarkan bagi menyertai sebut harga berikut:-

**"PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN PUSAT LATIHAN SUKAN BATU  
UBAN MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG  
BAGI TEMPOH SATU [1] TAHUN MULAI 1 OGOS 2013 – 31 JULAI 2014"**

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan e-Perolehan boleh mendapatkan **borang sebut harga melalui laman web ePerolehan**.

3. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi Taklimat dan Lawatan Tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>13 Jun 2013 (Khamis)</b>
<b>Masa</b>	<b>:</b>	<b>2.30 petang</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Bilik Cemerlang, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang Batu Uban, 11700 Pulau Pinang</b>
<b>Kehadiran</b>	<b>:</b>	<b>Pemilik Syarikat (Wakil Tidak Dibenarkan)</b>

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang **mulai 14 Jun 2013**.

5. Dokumen tawaran sebutharga yang telah lengkap diisi, berserta profail syarikat dan maklumat pengalaman beserta salinan sijil Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Tajuk Sebut Harga disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebutharga tersebut mestilah sampai **pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada 20 Jun 2013** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga Bil. PSUKPP/48/2013 di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 25, KOMTAR, Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit.

7. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mananya tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

Y.B. Setiausaha Kerajaan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang